

Tahap Komitmen Kerja Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah

Nur Aida Muhammad
nur.aida@ipgm.edu.my

Khadijah Abdul Razak, PhD
khadijah.razak@ukm.edu.my

Ab. Halim Tamuri, PhD
abhalim@ukm.edu.my

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

Abstrak

Peranan guru dilihat semakin hari semakin berat, mencabar dan kompleks. Pelbagai perubahan dinamik yang berlaku dalam sistem pendidikan menuntut guru agar sentiasa komited dalam melaksanakan tugas pengajaran. Namun begitu, tingkah laku remaja yang memperlihatkan berlakunya penghakisan nilai identiti Muslim telah mengundang persepsi masyarakat tentang sejauh mana komitmen guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pekerjaan mereka. Maka, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti tahap komitmen kerja GPI berdasarkan dimensi komitmen kerja iaitu komitmen terhadap profesion, komitmen terhadap murid, komitmen terhadap pengajaran dan komitmen terhadap sekolah. Seramai 454 orang GPI sekolah menengah kebangsaan (SMK) di Malaysia telah terpilih sebagai sampel kajian. Data dianalisis secara deskriptif menggunakan *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS) versi 26.0. Hasil kajian mendapati tahap komitmen kerja GPI SMK di Malaysia memperoleh skor min tertinggi (min = 4.38, SP = 0.350). Kajian juga mendapati dimensi komitmen terhadap profesion memperoleh skor min tertinggi (min=4.54, SP 0.397). Ini menunjukkan bahawa GPI SMK di Malaysia memiliki komitmen yang tinggi terhadap profesion mereka sebagai guru Pendidikan Islam. Namun demikian, dimensi komitmen terhadap sekolah memperoleh skor min yang terendah (min=4.25, SP = 0.483). Ini menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan pada dimensi komitmen terhadap sekolah dalam kalangan GPI SMK di Malaysia. Hal ini sejajar dengan penekanan dalam Anjakan Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan pentingnya guru yang berkualiti dan komited dalam menyumbangkan ilmu dan tenaga mereka untuk mencapai keberhasilan maksimum melalui transformasi pendidikan.

Kata Kunci : Guru Pendidikan Islam, komitmen kerja, transformasi pendidikan, pengajaran

Abstract

The role of teachers is increasingly seen as difficult, challenging, and complex. Various dynamic changes in the education system demand that teachers remain committed to their teaching tasks. However, the behaviors of adolescents that demonstrate the erosion of Muslim identity values have raised public perceptions about the extent of commitment of Islamic Education teachers (GPI) to their work. Therefore, this study was conducted to identify the level of work commitment among GPI based on the dimensions of work commitment, namely professional commitment, student commitment, teaching commitment, and school commitment. A total of 454 GPI from National Secondary Schools (SMK) in Malaysia were selected as the study sample. The data were analyzed descriptively using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 26.0. The study found that the level of work commitment among GPI in SMK Malaysia obtained the highest minimum score (min = 4.38, SD = 0.350). The study also found that the dimension of professional commitment obtained the highest minimum score (min = 4.54, SD = 0.397). This indicates that GPI in Malaysia

has a high commitment to their profession as Islamic Education teachers. However, the dimension of school commitment obtained the lowest minimum score (min = 4.25, SD = 0.483). This suggests that there is room for improvement in school commitment among GPI. This is in line with the emphasis in the Fourth Shift of the Malaysia Education Development Plan (PPPM) 2013-2025, which highlights the importance of quality and committed teachers in contributing their knowledge and efforts to achieve maximum success through educational transformation.

Keywords: Islamic Education teachers, work commitment, educational transformation, teaching.

Negara Malaysia kini sedang memacu sistem globalnya ke arah kemajuan bertaraf dunia. Sesebuah negara yang ingin mencapai kemajuan bertaraf dunia memerlukan kepada modal insan yang berkualiti dan produktif kepada negara. Di Malaysia, pembangunan modal insan giat dijalankan menerusi organisasi-organisasi pendidikan berpandukan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Bagi memastikan visi dan misi PPPM 2013-2025 dapat dicapai, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) terus komited dalam melakukan pelbagai transformasi dalam sistem pendidikan untuk melengkapkan sumber manusia dengan pelbagai pengetahuan dan kemahiran abad ke-21 (Amalina, Fatimah Wati & Wan Shahrazad 2017) dalam usaha melahirkan *global players* yang kompeten (berakhlak, berilmu, berkemahiran) dalam pelbagai bidang berteraskan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Mahdzir 2017).

Dalam konteks Pendidikan Islam pula, guru Pendidikan Islam (GPI) bukan sahaja berperanan untuk melahirkan modal insan berkualiti dan produktif bagi memenuhi keperluan negara, bahkan tergalas di bahu GPI suatu amanah yang amat besar (Nazirah & Kamarul Azmi 2016) iaitu untuk membentuk insan yang mampu menjalankan tanggungjawab sebagai hamba dan khalifah Allah s.w.t di muka bumi ini berlandaskan syariat serta mampu menyumbang kepada kecemerlangan tamadun umat (Engku Zarihan 2018; Norhannan 2016; Saharia 2015). Namun begitu, tingkah laku remaja yang memperlihatkan berlakunya penghakisan nilai identiti Muslim termasuk penglibatan dalam kes-kes jenayah juvana semakin meningkat telah mengundang persepsi masyarakat tentang sejauh mana komitmen guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pekerjaan mereka selaku *muallim, mudarris, muaddib, murabbi* dan *mursyid*.

Justeru, kajian ini dilaksanakan bertujuan meninjau sejauh mana tahap komitmen kerja dalam kalangan GPI di sekolah-sekolah menengah kebangsaan (SMK) di Malaysia. Hal ini selaras dengan anjakan keempat PPPM 2013-2025 yang memberi penekanan kepada keberhasilan guru yang berkualiti dan komited dalam menyumbangkan ilmu dan tenaga ke tahap maksimum melalui transformasi pendidikan (KPM 2013; Mohamad Adnan, Siti Noor, Suhaila & Hasliza 2016) khususnya dalam aspek memenuhi enam aspirasi murid, iaitu dari aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional sewaktu proses pengajaran dan pelaksanaan di bilik darjah (KPM 2013).

Pernyataan Masalah

Guru merupakan agen utama menjayakan pencapaian enam aspirasi murid PPPM 2013-2025 iaitu aspek pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwi bahasa, etika dan kerohanian dan identiti nasional tercapai menerusi pengajaran di bilik darjah (KPM 2013). Namun begitu, peranan guru hari ini dilihat semakin berat, mencabar dan kompleks (Mohd Sharihan & Roslan 2019; Nurlina et al. 2018) lantaran pelbagai perubahan dinamik yang berlaku dalam sistem pendidikan seiring dengan zaman perkembangan teknologi (Nazirah & Kamarul Azmi 2016; Nurharani, Nur Zahira & Nur Shaminah 2013). Senario ini telah menuntut para guru agar sentiasa bersedia dan komited untuk melakukan sebarang perubahan khususnya yang berkaitan dengan tugas-tugas pengajaran di bilik darjah.

Dalam konteks Pendidikan Islam, peranan GPI dilihat amat mencabar dalam memastikan pengajaran mereka berkualiti agar memberi impak positif terhadap kemenjadian murid. Ini kerana hari demi hari, fenomena tingkah laku remaja semakin memperlihatkan berlakunya penghakisan nilai identiti Muslim seperti kebejatan akhlak, krisis ideologi serta pengabaian terhadap amalan fardhu ain dan nilai murni (Hasna 2016; Mohd Khairi 2017; Noradilah, Mohd Sani & Rossidi 2018) menyebabkan prestasi kerja GPI dalam pengajaran sering diperdebatkan (Norhannan 2016). Kajian-kajian lalu pula menunjukkan terdapat isu GPI kurang melaksanakan pengajaran yang meningkatkan kualiti intelektual murid (Hashimah 2019; Norasmahani et al. 2015; Muhammad Talhah & Ahmad Kilani 2018; Rafiza et al. 2019; Sarimah 2017), kurang menerapkan elemen merentas kurikulum seperti nilai murni dan kepelbagaian budaya dalam pengajaran (Nabiroh 2013; Noraini 2015) serta kurang mengambil berat tentang persekitaran bilik darjah yang kondusif dan menyokong murid (Engku Zarihan 2018; Nurul Asiah Fasehah 2015; Sarimah 2017).

Menurut Norhannan (2016), antara punca isu prestasi kerja GPI termasuk prestasi pengajaran berkait dengan salah satu daya kekuatan dalaman GPI, iaitu komitmen kerja (Norhannan 2016). Justeru, kajian ini akan meninjau sejauh mana tahap komitmen kerja dalam kalangan GPI SMK di Malaysia. Kajian ini amat penting untuk dilaksanakan lantaran kajian-kajian lepas turut menunjukkan bahawa tahap komitmen guru secara umum di beberapa buah negeri di Malaysia berada tahap sederhana dan rendah (Mohd Ramzan 2014; Faridah & Khadijah 2018; Noraziyannah & Aida Hanim 2019; Suhaili & Khaliza 2016). Fenomena ini dibimbangi turut berlaku dalam kalangan GPI dan implikasinya ia boleh menjejaskan tugas-tugas pengajaran GPI di bilik darjah. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa perlunya ada kajian yang mengkaji sejauh mana tahap komitmen kerja dalam kalangan GPI pada masa kini secara menyeluruh.

Objektif Kajian

1. Mengetahui tahap komitmen kerja dalam kalangan GPI SMK di Malaysia.
2. Mengetahui tahap komitmen dalam kalangan GPI SMK di Malaysia berdasarkan dimensi komitmen terhadap sekolah, komitmen terhadap murid, komitmen terhadap pengajaran dan komitmen terhadap profesion.

Soalan Kajian

1. Apakah tahap komitmen kerja dalam kalangan GPI SMK di Malaysia?
2. Apakah tahap komitmen dalam kalangan GPI SMK di Malaysia berdasarkan dimensi komitmen terhadap sekolah, komitmen terhadap murid, komitmen terhadap pengajaran dan komitmen terhadap profesion?

Tinjauan Literatur

Komitmen Kerja

Secara umum, perkataan komitmen merujuk kepada keterikatan psikologi dan sosial yang tinggi antara diri individu dengan sesuatu perkara (Firestone 1996; Tyree 1996). Keterikatan ini menjadikan seseorang individu itu sanggup mempergiatkan usaha ke arahnya serta berusaha untuk kekal bersama perkara tersebut (Firestone 1996). Perkataan kerja pula merujuk kepada usaha yang dilakukan oleh individu untuk mencapai sesuatu tujuan sama ada baik atau tidak baik seperti mencari nafkah untuk diri dan tanggungannya dalam pelbagai bidang seperti ekonomi, sosial, politik, kebudayaan, pendidikan dan lain-lain (Atikullah 2013; Nor Azzah 2015). Maka, jika perkataan komitmen dikaitkan dengan perkataan kerja, ia dapat diistilahkan sebagai suatu keterikatan psikologi dan sosial yang tinggi dalam diri individu terhadap pekerjaan yang diceburinya atau disebut sebagai komitmen kerja.

Para penyelidik terdahulu telah menemukan dua jenis komitmen kerja yang sering dikaji dalam kalangan guru, iaitu komitmen organisasi dan komitmen dalam bidang pengajaran (Nik Aida Suria 2016). Meskipun kedua-dua konstruk ini dilihat hampir serupa, namun, dari segi pengukuran konstruk-konstruk ini adalah berbeza (Nik Aida Suria 2016). Para sarjana terdahulu telah mentakrifkan istilah komitmen organisasi sebagai identifikasi atau keyakinan individu yang kuat terhadap matlamat dan tujuan organisasi sehingga menimbulkan kesungguhan untuk ia berusaha keras demi organisasi tempat ia bekerja serta mempunyai keinginan untuk kekal dalam organisasi tersebut (Celep 2000; Mowday et al. 1979). Namun, apabila istilah komitmen dikaitkan dengan guru dan bidang pengajaran, takrifan komitmen organisasi telah diperluaskan konsepnya bersesuaian dengan konteks guru dan bidang pengajaran. Ia dapat sebagai identifikasi, penglibatan dan kesetiaan guru melibatkan beberapa jenis sasaran. Antaranya ialah organisasi sekolah, murid, mata pelajaran yang diajar (Firestone & Pennell 1993; Mart 2013; Somech & Bogler 2002; Tyree 1996), kerja-kerja pengajaran dan profesion pengajaran (Lei et al. 2014; Nik Aida Suria 2016).

Komitmen adalah bersifat perasaan dalaman. Namun, ia boleh terpamer melalui sikap individu terhadap pekerjaannya (Rajak & Pandey 2017) seperti perasaan semangat untuk menjalankan tugas (Yulk 2010), sukarela untuk bekerja keras dan rajin (Singh & Billingsley 1998), berpuas hati dengan pekerjaan mereka, sentiasa bermotivasi untuk bekerja (Rajak & Pandey 2017) serta sanggup untuk menyumbang tenaga yang tinggi kepada pekerjaan mereka (Chang 2014). Perasaan dalaman inilah yang menjadi punca kekuatan bagi diri individu yang memberi kesan terhadap prestasi kerja tempat ia berkhidmat (Tyree 1996; Mart 2013; Norhannan 2016). Justeru, komitmen kerja merupakan konstruk yang amat relevan untuk dikaji dari masa ke semasa dalam kalangan guru. Hal ini kerana menurut Fox (1964), kekuatan mana-mana profesion adalah bergantung kepada tahap komitmen ahli-ahlinya. Hal ini tidak terkecuali dalam bidang pendidikan. Bahkan, aspek komitmen guru perlu diberikan perhatian kerana ia menjamin pendidikan yang efektif.

Dalam kajian ini, komitmen kerja GPI sekolah menengah kebangsaan diukur menerusi empat dimensi, iaitu komitmen terhadap sekolah, komitmen terhadap diri murid, komitmen terhadap kerja pengajaran dan komitmen terhadap profesion. Komitmen terhadap sekolah bermaksud rasa kesepunyaan GPI terhadap sekolah, keterlibatan GPI dalam aktiviti-aktiviti sekolah serta keinginan GPI untuk kekal sebagai ahli organisasi sekolah. Komitmen terhadap murid bermaksud keinginan dan tanggungjawab GPI untuk melibatkan diri dengan murid dalam aktiviti pembelajaran, peka terhadap keperluan pembelajaran murid, berusaha menjaga hubungan sosial dengan murid, sanggup meluangkan masa membimbing murid di luar waktu kelas, memotivasi murid yang lemah dalam pembelajaran serta mengambil berat tentang hal kebajikan murid. Komitmen terhadap kerja pengajaran bermaksud identifikasi guru terhadap bidang pengajaran dan penglibatan guru dalam melaksanakan kerja-kerja yang berkaitan dengan pengajaran. Akhir sekali, komitmen terhadap profesion bermaksud sejauh mana sikap GPI terhadap nilai-nilai profesion perguruan serta keinginan untuk terus berkhidmat sebagai guru.

Metodologi Kajian

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan reka bentuk kajian tinjauan bagi menjawab persoalan kajian. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan hirisan rentas (*cross sectional survey*), iaitu pengkaji memungut data sekali sahaja ke atas sampel kajian pada satu masa dan tidak diulang pada masa lain untuk responden yang (Creswell 2012; Noraini 2010). Kajian kuantitatif dipilih kerana ia dapat digunakan untuk menggambarkan *trend* dan menghuraikan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian (Ary, Jacob & Razaveich 2002).

Pensampelan

Populasi kajian ini ialah GPI SMK di Malaysia seramai 31,449 orang. Berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan (1970), sampel kajian yang diperlukan ialah seramai 379 orang. Bilangan sampel kajian ini adalah memadai iaitu seramai 454 orang GPI dari seluruh Malaysia mewakili 5 zon, iaitu zon utara, timur, tengah, selatan dan Malaysia Timur. Pemilihan sampel kajian adalah secara rawak strata berkadar. Responden kajian ini terdiri daripada 138 orang GPI lelaki dan 316 orang GPI perempuan. Berikut ialah profil responden bagi kajian ini :

Jadual 1

Responden Kajian Berdasarkan Jantina

Jantina	Frekuensi	Peratus
Lelaki	138	30.4
Perempuan	316	69.6
Jumlah	454	100.0

Jadual 1 memaparkan jumlah responden mengikut jantina. Bilangan responden lelaki ialah seramai 138 (30.4%) daripada jumlah keseluruhan responden. Manakala, bilangan responden perempuan ialah seramai 316 orang (69.6%) daripada keseluruhan responden.

Pengumpulan dan Penganalisan Data

Data kajian diperoleh menggunakan instrumen soal selidik bagi mengenal pasti persepsi GPI SMK terhadap komitmen kerja mereka. Instrumen komitmen kerja GPI telah diadaptasi dan diubahsuai daripada kajian Lee et al. (2014) dan Nik Aida Suria (2016). Ujian keesahan konstruk telah dilaksana menggunakan ujian Analisis Faktor Penerokaan (*Exploring Factor Analysis-EFA*) bagi menilai keunidimensian faktor yang digunakan dalam kajian ini dijalankan. Justeru, terdapat empat dimensi yang mengukur komitmen kerja GPI SMK iaitu dimensi komitmen terhadap sekolah, komitmen terhadap murid, komitmen terhadap pengajaran dan komitmen terhadap profesion yang terdiri daripada 23 item.

Dapatan Kajian

Bahagian ini dikemukakan bagi menjawab persoalan kajian pertama bagi kajian ini iaitu ‘apakah tahap komitmen kerja GPI SMK di Malaysia?’ dan persoalan kajian kedua bagi kajian ini iaitu ‘apakah tahap komitmen dalam kalangan GPI SMK di Malaysia berdasarkan dimensi komitmen terhadap sekolah, komitmen terhadap murid, komitmen terhadap pengajaran dan komitmen terhadap profesion? Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama ini, pengkaji telah menjalankan analisis statistik deskriptif berdasarkan nilai skor min dan sisihan piawai. Petunjuk skor min yang digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti sejauh mana tahap komitmen kerja GPI di Malaysia adalah seperti berikut:

Jadual 2

Interpretasi Skor Min

Nilai Skor Min	Interpretasi
1.00-1.89	Sangat Rendah
1.90-2.69	Rendah
2.70-3.49	Sederhana
3.50-4.29	Tinggi
4.30-5.00	Sangat Tinggi

Sumber: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (BPPDP 2006)

Jadual 2 di atas menunjukkan penentuan skor min yang digunakan oleh pengkaji bagi mengenal pasti sejauh mana tahap komitmen kerja GPI di Malaysia. Jadual 3 di bawah pula ialah hasil analisis deskriptif tahap komitmen kerja GPI SMK di Malaysia.

Jadual 3

Skor Min dan Sisihan Piawai Dimensi Komitmen Kerja GPI SMK di Malaysia (N=454)

Pemboleh ubah	Dimensi	Min	SP	Interpretasi
Komitmen Kerja GPI	Komitmen Terhadap Sekolah	4.25	0.483	Tinggi
	Komitmen Terhadap Diri Murid	4.36	0.423	Sangat Tinggi
	Komitmen Terhadap Kerja Pengajaran	4.30	0.394	Sangat Tinggi
	Komitmen Terhadap Profesion	4.53	0.397	Sangat Tinggi
Keseluruhan		4.38	0.350	Sangat Tinggi

Jadual 3 menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, tahap komitmen kerja GPI SMK di Malaysia berada pada tahap yang sangat tinggi (min = 4.38, SP = 0.350). Hasil analisis terhadap keempat-empat dimensi yang mewakili pemboleh ubah komitmen kerja GPI di Malaysia menunjukkan bahawa dimensi komitmen terhadap profesion telah berjaya memperoleh skor min yang paling tinggi dengan interpretasi tahap sangat tinggi (min=4.54, SP 0.397), diikuti oleh dimensi komitmen terhadap diri murid (min=4.36, SP 0.423) dan komitmen terhadap kerja pengajaran (min=4.30, SP 0.394) yang masing-masing dengan interpretasi tahap sangat tinggi. Dimensi komitmen terhadap sekolah pula memperoleh skor min yang terendah (min=4.25, SP = 0.483), namun, masih berada pada interpretasi tahap tinggi.

Perbincangan dan Cadangan

Secara umumnya, kajian ini mendapati bahawa tahap komitmen kerja GPI SMK di Malaysia berada pada tahap yang sangat tinggi (min = 4.38, SP = 0.350). Hasil analisis terhadap keempat-empat dimensi yang mewakili pemboleh ubah komitmen kerja GPI di Malaysia pula menunjukkan bahawa dimensi komitmen terhadap profesion memperoleh skor min yang paling tinggi (min = 4.53, SP = 0.397), diikuti oleh dimensi komitmen terhadap diri murid (min = 4.36, SP = 0.423), komitmen terhadap pengajaran (min = 4.30, SP = 0.394) dan komitmen terhadap sekolah (min = 4.25, SP = 0.483).

Dapatan ini secara jelas menunjukkan bahawa GPI SMK di Malaysia sangat komited terhadap kerjaya mereka. Hal ini dapat dibuktikan melalui dapatan komitmen bagi setiap konstruk berada pada tahap yang sangat tinggi dan tinggi. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Mohd Khairuddin, Maspiah dan Halimah (2017) dan Rozila dan Jamalul Lail (2019) yang mendapati bahawa tahap komitmen guru-guru sekolah menengah berada pada tahap tinggi. Walau bagaimanapun, dapatan kajian ini berbeza dengan dapatan kajian Suhaili dan Khaliza (2016), Faridah dan Khadijah (2018) dan Noraziyannah dan Aida (2019) yang mendapati bahawa tahap komitmen kerja guru berada pada tahap sederhana sahaja.

Dalam kajian ini, didapati bahawa GPI SMK di Malaysia mempunyai komitmen yang sangat tinggi terhadap profesion. Hal ini merupakan perkara yang positif kerana komitmen terhadap profesion adalah amat penting bagi mendorong guru mengimplementasi tanggungjawab pengajaran dan pembelajaran dengan penuh komited dan dedikasi. Dalam konteks Islam, pengamalan nilai-nilai komitmen terhadap profesion seperti yang ditunjukkan oleh GPI ini adalah amat dituntut bagi tujuan menghasilkan pekerjaan yang berkualiti (Norhannan 2016; Sharifah Hayaati 2010). Guru yang komited terhadap profesion akan berusaha memajukan diri, memperkukuh kemahiran dalam

bidangnya, mengamalkan nilai-nilai keguruan seperti ikhlas, amanah, rajin, bersungguh-sungguh, mengawasi diri supaya tidak mencemarkan nama baik profesion perguruan serta tidak melibatkan diri dalam kegiatan yang boleh menjejaskan kecekapan sebagai guru serta ingin terus berkhidmat sebagai guru (Lei et al. 2014; Mohd Anuar et al. 2019; Nik Aida Suria 2016).

Seterusnya, dimensi kedua berkaitan komitmen kerja GPI SMK yang memperoleh min dengan interpretasi tahap sangat tinggi ialah dimensi komitmen terhadap diri murid. Hasil analisis mendapati bahawa kesemua item memperoleh skor min yang baik dengan interpretasi tahap sangat tinggi dan tinggi sahaja. Dapatan ini secara jelas memberi gambaran jelas bahawa majoriti GPI sekolah menengah kebangsaan di Malaysia komited terhadap diri murid dengan mempunyai keinginan dan tanggungjawab untuk melibatkan diri dengan murid dalam aktiviti pembelajaran. Walau bagaimanapun, elemen yang dikenal pasti memperoleh skor terendah dalam dimensi komitmen terhadap murid ialah tentang kesanggupan GPI meluangkan masa membimbing murid di luar waktu kelas. Berdasarkan teori Tyree (1996), guru yang benar-benar komited terhadap murid ialah apabila ia sentiasa berusaha untuk mengetahui masalah murid serta sanggup membimbing murid secara individu sehingga di luar kelas. Menurut Tyree (1996) lagi, guru dibayar gaji untuk menyediakan pembelajaran dan mengekalkan hubungan yang baik bersama murid, maka penglibatan yang lebih dari sudut komited terhadap murid ialah guru sanggup meluangkan lebih masa bersama murid di luar waktu pembelajaran.

Dimensi ketiga berkaitan komitmen kerja GPI SMK yang memperoleh skor min dengan interpretasi tahap sangat tinggi ialah dimensi komitmen terhadap kerja pengajaran. Hasil analisis mendapati bahawa kesemua item memperoleh skor min pada tahap sangat tinggi dan tinggi sahaja. Dapatan ini secara keseluruhannya memberi gambaran jelas bahawa majoriti GPI SMK di Malaysia komited terhadap pengajaran dari sudut keterikatan psikologi dengan bidang pengajaran dan berusaha untuk meningkatkan mutu penyampaian pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah. Walau bagaimanapun, elemen yang dikenal pasti memperoleh skor terendah dalam dimensi komitmen terhadap pengajaran ialah tentang pelaksanaan inovasi dalam kalangan GPI bagi meningkatkan kefahaman murid. Dapatan ini adalah sejajar dengan hasil kajian Halimatus Saadiah (2014) dan Engku Zarihan (2018) yang mencapai min paling rendah dalam komponen kreatif dan inovatif. Justeru, pengkaji berpandangan bahawa elemen ini perlu dibudayakan dalam kalangan GPI kerana pengaplikasian inovasi dalam pengajaran kerana ia berkait rapat dengan peranan GPI sebagai pendidik dan pemudahcara, iaitu meningkatkan kefahaman pelajar demi kejayaan di dunia dan akhirat (Kamarul Azmi 2016). Untuk menjadi guru yang kreatif dan berinovatif pula, kemahiran ini perlu diasah (Darusman & Firman Kasbih 2020). Maka, menjadi suatu perkara yang amat penting bagi pihak pentadbir sekolah untuk mendorong dan memotivasikan para guru agar melaksanakan inovasi dalam pengajaran seperti terlibat secara aktif dalam aktiviti penciptaan (*creation*), seterusnya berkongsi pengetahuan yang dimiliki kepada rakan sekerja (Darusman & Firman Kasbih 2020; Ethier 2017; Song et al. 2014). Dengan kata lain, penguasaan ilmu tentang inovasi dalam kalangan guru perlu sentiasa dibugarkan.

Dalam kajian ini juga, didapati bahawa dimensi komitmen terhadap sekolah pula memperoleh skor terendah, namun masih berada pada interpretasi tahap tinggi. Elemen yang dikenal pasti memperoleh skor terendah dalam dimensi komitmen terhadap sekolah ialah berkaitan dengan kesanggupan GPI untuk meluangkan masa yang lebih untuk aktiviti sekolah melebihi kepentingan diri. Dalam hal ini pengkaji berpandangan bahawa komitmen kerja GPI SMK terhadap sekolah masih boleh dipertingkatkan lagi khususnya berkaitan kesanggupan GPI untuk meluangkan masa yang lebih untuk aktiviti sekolah melebihi kepentingan diri. Hal ini selaras dengan teori Tyree (1996) yang menyatakan bahawa komitmen seseorang dapat dilihat apabila ia sanggup melaburkan sumber peribadinya sama ada dari segi masa, wang atau tenaga terhadap sesuatu yang ia komited melebihi kepentingan dirinya (Tyree 1996).

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini menunjukkan tahap komitmen GPI SMK di Malaysia berada pada tahap yang amat baik. Ini menunjukkan bahawa GPI SMK di Malaysia memiliki komitmen yang tinggi terhadap profesion mereka sebagai guru Pendidikan Islam. Namun demikian, dimensi komitmen terhadap sekolah memperoleh skor min yang terendah dan ini menunjukkan bahawa terdapat ruang untuk penambahbaikan dalam komitmen terhadap sekolah dalam kalangan GPI. Hal ini sejajar dengan penekanan dalam Anjakan Keempat Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menggariskan pentingnya guru yang berkualiti dan komited dalam menyumbangkan ilmu dan tenaga mereka untuk mencapai keberhasilan maksimum melalui transformasi pendidikan. Kajian ini turut mencadangkan agar diadakan kajian lanjutan dengan reka bentuk kualitatif bagi mendapatkan maklumat secara mendalam tentang faktor-faktor yang mempengaruhi dimensi komitmen kerja dalam kalangan GPI.

Rujukan

- Amalina Ibrahim, Fatimah Wati Ibrahim & Wan Shahrazad Wan Sulaiman. (2017). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Komitmen Organisasi Dalam Kalangan Guru Sekolah. *International Research Journal of Education and Sciences*, 1(1), 51-54.
- Ary, D., Jacob, L. C. & Razaveich, A. (2002). *Introduction to Research In Education*. Edisi ke-4. Rinehart & Winston.
- Atikullah Abdullah. (2013). Konsep Kerja sebagai Ibadat Menurut Perspektif Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 6, 37-48.
- Celep, C. 2000. Teachers' organizational commitment in educational organizations. *National Forum of Teacher Education Journal* 10E (3) , 1-22.
- Creswell, J. W. 2012. *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research*. Edisi ke-3. Pearson Prentice Hall.
- Darusman & Firman Kasbih. (2020). Inovasi Pembelajaran Pendidikan Kreatif Sebuah Upaya Pengembangan Kualitas Pendidikan. Kertas kerja Prosiding Seminar Nasional Pendidikan Program Pascasarjana Universitas Pgrri Palembang, Indonesia, 10 Januari.
- Engku Zarihan Engku Abdul Rahman. (2018). *Amalan at-tadayyun dan pengaruhnya terhadap kompetensi guru Pendidikan Islam sekolah menengah*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ethier, B. Q. (2017). *Teachers' perceptions of school climate in high performing schools and low performing schools*. Tesis Dr. Fal., Liberty University, Lynchburg, VA.
- Faridah Mat Noor & Khadijah Daud. (2018). Hubungan antara kepimpinan transformasi guru besar mengikut persektif guru dengan komitmen guru terhadap sekolah. *Fikiran Masyarakat* 6 (2), 96-100.
- Firestone, W. A. & Rosenblum, S. (1988). Building commitment in urban high schools. *Educational Evaluation and Policy Analysis Winter 1988* 10 (4), 285-299.
- Firestone, W. A., & Pennell, J. R. (1993). Teacher commitment, working conditions, and differential incentive policies. *Review of Educational Research* 63, 489-525.
- Hashimah Md. Yusoff. (2019). *Hubungan personaliti, personaliti pro aktif dan kraf kerja terhadap pemupukan kreativiti dalam pengajaran guru Pendidikan Islam sekolah rendah di Malaysia*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Hasna Bidin. (2016). *Pelaksanaan solat dalam kalangan pelajar Muslim di Kolej Komuniti Negeri Johor*. Tesis Sarjana Falsafah, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran. Dlm. Kamarul Azmi Jasmi (pnyt). *Ensiklopedia Pendidikan Islam*, hlm. 54-58. Fakulti Tamadun Islam, Universiti Teknologi Malaysia & Persatuan Cendekiawan Pendidikan Islam.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. www.moe.gov.my/userfiles/file/PPP/Preliminary-Blueprint-BM.pdf.

- Krejcie, R. V. & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement* 30 (3), 607-610.
- Lei Mee Thien, Nordin Abdul Razak & Ramayah, T. (2014). Validating teacher commitment scale using a Malaysian sample. *Sage Open*, 1-9.
- Mart, C. T. (2013). A passionate teacher: teacher commitment and dedication to student learning. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development* 2 (1), 437-442.
- Mohamad Adnan Mohamad Kasim, Siti Noor Ismail, Suhaila Mohammad & Hasliza Ibrahim. (2016). Iklim Sekolah Dan Komitmen Guru Di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) Negeri Kelantan. *Proceeding of ICECRS 1 (2016) International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA*. Universiti Utara Malaysia, Malaysia, 25-27 October 2016.
- Mohd Anuar Mamat, Syed Mohammad Hilmi Syed Abdul Rahman, Che Zarrina Sa'ari, Azizi Che Seman & Nur Ulfah Harun. (2019). Amalan etika perguruan berasaskan pemikiran Imam Abū Hanīfah: suatu tinjauan terhadap aplikasi guru pendidikan Islam di Selangor. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 6 (2), 93-110.
- Mohd Khairi Othman, Asmawati Suhid dan Samsilah Roslan. (2015). Penghayatan nilai murni dalam kalangan pelajar sekolah menengah masa kini. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 1-20.
- Mohd Khairuddin Abdullah, Maspiah Sekong & Halimah Laji. (2017). Kecerdasan emosi dan komitmen guru terhadap organisasi. *Jurnal Psikologi dan Kesihatan Sosial* 1, 44-54.
- Mohd Ramzan Awang. (2014). *Pengaruh amalan kepimpinan penolong kanan pentadbiran dan iklim sekolah sihat ke atas komitmen guru di sekolah menengah kebangsaan cluster cemerlang*. Tesis Dr Fal, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Sharihan Mohamed Hussin & Roslan Ab Rahman. (2019). Kepentingan iklim sekolah dalam mempengaruhi prestasi dan komitmen kerja guru. *Journal of Management and Operation Research* 1 (24), 1-8.
- Mowday, R. T., Porter, L. W. & Steers, R. M. (1979). The measurement of organizational commitment. *Journal of Vocational Behaviour* 4, 224-247.
- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain, Mohd Aderi Che Noh & Ahmad Marzuki Mohamad. (2018). Tahap pemahaman dan kesediaan pelaksanaan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap penerapan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam pengajaran di negeri Selangor. *Kertas Kerja Prosiding Seminar Kebangsaan Penyelidikan Pendidikan 2018. Anjuran IPG Kampus Pendidikan Islam, Bangi, Selangor*, 23 Oktober.
- Nabiroh Kassim. (2013). *Amalan penerapan nilai murni dalam pengajaran tilawah al-Quran j-QAF : Satu kajian kes*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nazirah Hamdan & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). Sifat keperibadian guru pendidikan Islam (GPI) terhadap rakan setugas dan pihak atasan di sekolah: Satu kajian kes. *International Journal of Islamic and Civilizational Studies* 3(2), 85-91.
- Nik Aida Suria Nik Zulkifli Ami. (2016). Hubungan sokongan guru besar, efikasi sendiri, efikasi kolektif dengan komitmen kerja guru pendidikan khas. *Tesis Dr Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Noraini Idris. (2010). *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. McGraw-Hill.
- Noraini Omar. (2015). *Amalan pengajaran guru Pendidikan Islam berfokuskan kepelbagaian budaya murid: Kajian kes di negeri Sarawak*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Norasmahani Hj Nor, Nur Sofiah Suhaimi Nur Syamira Abdul Wahab, Mohd Khushairi Che Ismail Mohd Aderi Che Noh & Khadijah Abdul Razak. (2015). Pelaksanaan KBAT dalam pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam sekolah menengah: satu tinjauan di Putrajaya. *Kertas kerja Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education*, 5-7 November.
- Nor Azzah Kamri. (2015). *Etika Pengurusan Kerja Menurut Islam : Aplikasi dan Implikasi*. Penerbit Universiti Malaya.
- Norhannan Ramli. (2016). *Prestasi guru pendidikan Islam berasaskan daya kekuatan dalaman, kepimpinan pengetua dan iklim sekolah*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.

- Nurharani Selamat, Nur Zahira Samsu & Nur Shaminah Mustafa Kamalu. (2013). The impact of organizational climate on teachers' job performance. *Educational Research eJournal* 2 (1), 71-82.
- Nurlina Mohd Puad, Mohd Daud Awang & Ahmad Nasir Mohd Yusof. (2018). Etika dan tanggungjawab pendidik dalam profesion perguruan dan cabaran pendidik masa kini. *Jurnal AL-ANWAR, Persatuan Bekas Mahasiswa Islam Timur (PBMITT)* 6 (2), 43-52.
- Nurul Asiah Fasehah Muhamad. (2015). *Pengaruh tahap kepercayaan epistemologi islam dan tahap konsep sendiri terhadap amalan pengajaran guru Pendidikan Islam*. Tesis Dr. Fal, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Rozila Md. Yusof & Jamalul Lail Abdul Wahab. (2019). Kepimpinan instruksional pengetua dan hubungannya dengan komitmen guru di sekolah berprestasi tinggi (SBT) di daerah Seremban. *International Journal of Education, Psychology and Counseling* 4 (33), 107-121.
- Saharia Ismail. (2015). Pembangunan insan dalam falsafah pendidikan kebangsaan. *Journal of Human Capital Development* 8 (2), 83-99.
- Sarimah Mokhtar. (2017). Kajian Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Terbaik dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam. *Jurnal Pendidikan Guru* 1, 47-60.
- Sharifah Hayaati Ismail al-Qudsy. (2010). Etika Penjawat Awam Dari Perspektif Islam. Dawama Sdn. Bhd.
- Singh, K., & Billingsley, B. S. (1998). Professional support and its effects on teachers' commitment. *Journal of Educational Research* 91, 229-239.
- Somech, A., & Bogler, R. (2002). Antecedents and consequences of teacher organizational and professional commitment. *Educational Administration Quarterly* 38 (4) , 555-577.
- Song, J. H., Kim, W., Chai, D. S., & Bae, S. H. (2014). The impact of an innovative school climate on teachers' knowledge creation activities in korean schools: The mediating role of teachers' knowledge sharing and work engagement. *KEDI Journal of Educational Policy* 11(2), 179-203.
- Suhaili Mohd Yusoff & Khaliza Saidin. (2016). Tahap Iklim Sekolah, Tahap Komitmen Guru Serta Hubungan Di Antara Iklim Sekolah Dengan Komitmen Guru Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Machang, Kelantan. *Kertas kerja Proceeding of ICECRS 1 (2016) International Seminar on Generating Knowledge Through Research, UUM-UMSIDA. Universiti Utara Malaysia, Malaysia, 25-27 October*.
- Tyree, A. K. (1996). Conceptualising and measuring commitment to high school teaching. *Journal of Educational Research* 89, 295-304.